BAHAGIAN B

(30 MARKAH)

1.

***Terdapat pelbagai agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat berbilang kaum dan suku di Malaysia. Kita digalakkan supaya saling menghormati amalan agama dan kepercayaan mereka. Lengkapkan jadual di bawah ini tentang cara menghormati amalan agama dan kepercayaan mereka.***

- Tidak makan daging di hadapan mereka
- Tidak bersangka buruk terhadap kepercayaan mereka
- Tidak memperlekehkan amalan tersebut
- Senyap dan tidak berbuat bising
- Tidak merosakkan bunga malai yang dikalungkan pada dewa dan dewi

| Masyarakat | Amalan/Kepercayaan | Cara Menghormati |
|---|---|---|
| 1. Cina | Makan sajian vegetarian pada hari pertama dan hari ke-15 | |
| 2. Semelai | Melakukan ritual kepada semangat alam dan makhluk halus yang mempunyai kuasa | |
| 3. Negrito | Meminta bantuan Tok Halaq (dukun) apabila ditimpa malapetaka | |
| 4. Sikh | Memakai gelang besi dan tidak memotong rambut | |
| 5. India | Mengalungkan bunga malai pada dewa dan dewi | |

(5 markah)



LIVEWORKSHEETS

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

1. Kita perlu mengamalkan sikap ______________________ dalam hidup bermasyarakat.

2. Apabila kita membantu masyarakat, kita akan disayangi dan ____________________ oleh mereka.

3. Berbuat baiklah kepada masyarakat dengan membantu _______________________ penderitaan mereka.

4. Masyarakat yang ________________ lahir daripada anggota masyarakat yang saling memahami dan saling membantu.

5. Tunjukkanlah keprihatinan kita dengan ____________________ derma kepada golongan yang kurang bernasib baik.

(5 markah)



LIVEWORKSHEETS

3.

Cara melaksanakan tugas dengan bertanggungjawab dalam aktiviti masyarakat setempat

1. hadir mengikut masa yang ditetapkan.

2.

3.

4.

5.

(4 markah)



LIVEWORKSHEETS

4.

SITUASI 1

Terima kasih kepada ketua kampung kerana telah berjaya menaikkan taraf jalan raya di Kampung Sebatu. Penduduk kampung menghargainya.

SITUASI 2

Terima kasih Encik Iyon kerana telah memberi sumbangan kepada Rumah Kebajikan Taman Jebat. Sumbangan tuan amat dihargai.

SITUASI 3

Sudah lama kami menunggu pembinaan jambatan yang menyambungkan antara kampung kami dan kampung sebelah. Akhirnya, berkat gotong-royong yang dijalankan oleh ketua kampung dan penduduk kampung , jambatan tersebut dapat digunakan sebagai jalan penghubung utama. Terima kasih Ketua Kampung dan penduduk kampung.

SITUASI 4

Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja Kampung dan ahlinya  bertindak pantas menangkap pencuri yang berleluasa di kawasan kampung tersebut malam tadi. Keadaan kini kembali aman dan damai. Terima kasih kami ucapkan.

Selain daripada mengucapkan terima kasih kepada individu yang telah berjasa, nyatakan cara lain yang dapat dilakukan bagi memberi penghargaan kepada individu yang telah berjasa.

1.______________________________________________

2.______________________________________________

(6 markah)



LIVEWORKSHEETS

5.

| ATURCARA MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG TAHUN 5 2016 |
|---|
| 8.00 pagi pendaftaran |
| 8.30 pagi Ketibaan tetamu kehormat |
| 8.35 pagi Nyanyian lagu 'Negaraku' |
| 8.40 pagi Bacaan doa |
| 8.50 pagi Ucapan alu-aluan |
| 9.00 pagi Ucapan dan perasmian Majlis Anugerah Cemerlang Tahun 5 2016 |
| 9.10 pagi Penyampaian Anugerah Cemerlang kepada murid tahun 5 |
| 9.30 pagi Persembahan koir |
| 9.45 pagi Jamuan ringan |
| 10.00 pagi Bersurai |

Nyatakan cara bersopan santun bagi setiap atur cara dibawah. (4 markah)

1. Pendaftaran

   Memakai pakaian sopan dan sesuai dengan majlis

2. Ketibaan tetamu kehormat

   ______________________________________________

3. Nyanyian lagu 'Negaraku'

   ______________________________________________

4. Ucapan alu-aluan

   Ucapan dan perasmian Majlis Anugerah Cemerlang Tahun 5 2016

   ______________________________________________

5. Penyampaian Anugerah Cemerlang kepada murid tahun 5

   ______________________________________________



LIVEWORKSHEETS

6. Bagaimanakah cara kamu dan penduduk membuat persiapan untuk tujuan menyambut ulang tahun pelantikan ketua masyarakat kamu? Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

| Persiapan meraikan ulang tahun pelantikan pemimpin masyarakat | |
|---|---|
| Melantik penyambut tetamu | Cara :<br>- Menyediakan korsaj<br><br>- 1. |
| - 2. | -3.<br><br>-4. |
| Menghias tempat | Cara :<br>-5.<br><br>-6. |

(6 markah)



LIVEWORKSHEETS